

21 APR 1999

NAVARATNAM-ARTIKEL

WASHINGTON POST DISELAR KERANA ARTIKEL "MEMALUKAN"

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Akhbar Washington Post telah diselar kerana menyiarkan sebuah artikel di bawah tajuk "Mr Mahathir's Disgrace" pada 19 April lalu.

Sambil melahirkan rasa terkejutnya terhadap apa yang disifatkannya sebagai sebuah artikel yang "memalukan", penasihat korporat Kumpulan Sungei Way Tan Sri Ramon Navaratnam berkata, akhbar tersebut sekurang-kurangnya harus bersikap profesional dengan menulis berasaskan fakta sekalipun "ia mempunyai agenda tersembunyi yang perlu memenuhi dasar sidang pengarangnya."

Dalam satu kenyataan mengulas artikel tersebut, Navaratnam berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, yang jauh daripada merasa "aib" seperti yang disebut oleh Washington Post, malah telah muncul sebagai seorang pemimpin antarabangsa yang berani, dan telah menyelamatkan Malaysia daripada bencana ekonomi, sosial, politik dan huru hara perkauman dalam masyarakat pelbagai kaum dan pelbagai agama di negara ini.

"Dengan menolak rumusan IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) yang telah menyebabkan penderitaan dan ketidak stabilan sosial yang tidak terhingga di Asia, Brazil dan Rusia, rakyat Malaysia terus menikmati keamanan dan kestabilan tanpa melalui penyusunan semula yang menyakitkan dan memusnahkan seperti yang dianjurkan oleh IMF," tambah beliau.

Kata beliau banyak pelabur dan penganalisis kewangan terkemuka AS kini akan mengakui bahawa ekonomi Malaysia bukan sahaja sedang pulih tetapi mungkin akan menjadi ekonomi pertama yang pulih, mendahului negara-negara yang dibantu oleh IMF seperti Indonesia, Korea dan Thailand.

Malah institusi kewangan pelbagai hala seperti Bank Dunia, IMF dan Bank Pembangunan Asia sendiri telah menyatakan bahawa ekonomi Malaysia sedang pulih, tambah beliau.

Navaratnam berkata: "Dengan yang demikian nampaknya, Washington Post memalukan dirinya sendiri dengan sikapnya yang tidak profesional dan tidak berpijak di bumi nyata.

"Adalah diharapkan Washington Post tidak akan terus memalukan dirinya sendiri dan menghapuskan rasa hormat semua pembaca yang berfikiran waras dan berpengaruh, yang sokongan mereka amat diperlukannya untuk terus hidup."

Beliau menyeru akhbar tersebut supaya bertindak sebaliknya dan memupuk rasa muhibbah di antara AS dan Malaysia. -- BERNAMA

MFJ KY OS